

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD  
[ LANGKAWI ]**

**TARIKH : 19 MAC 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**Dato' Ir Haji Nawawi bin Ahmad [ Langkawi ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan akhir-akhir ini banyak kes yang melibatkan TASKA atau TADIKA iaitu seperti penderaan kanak-kanak dan perkara lain yang tidak diingini:

- (a) apakah ada perancangan Kementerian untuk memastikan tidak wujudnya TASKA atau TADIKA yang tidak berlesen; dan
- (b) apakah ada pemantauan Kementerian bagi memastikan tidak berlakunya penderaan kanak-kanak di TASKA atau TADIKA berlesen.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) amat prihatin akan aspek pengasuhan serta perkembangan dan pendidikan awal kanak-kanak. Penubuhan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) yang berkualiti menjadi perjuangan kementerian bagi membolehkan kerajaan membentuk modal insan yang terbaik.

Bagi menggalakkan lebih ramai pengusaha mendaftarkan TASKA mereka, KPWKM telah mengambil tindakan-tindakan berikut:

**(i) Penurunan Kuasa Kelulusan Perakuan Pendaftaran TASKA**

Penurunan kuasa bagi meluluskan perakuan pendaftaran TASKA daripada Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Malaysia kepada Pengarah Kebajikan Negeri telah dibuat bagi mengurangkan karenah birokrasi selain mempercepatkan proses pendaftaran TASKA;

**(ii) Memanjangkan Tempoh Sah Perakuan**

Tempoh sah perakuan pendaftaran TASKA telah dipanjangkan dari satu tahun kepada 5 tahun bagi mengurangkan beban pengusaha untuk memohon perakuan pendaftaran setiap tahun;

**(iii) Pusat Sehenti (OSC)**

Penubuhkan OSC yang berfungsi sebagai platform penyelarasan antara agensi teknikal iaitu pihak berkuasa tempatan (PBT), Jabatan Kesihatan serta Jabatan Bomba dan Penyelamat membolehkan isu-isu penubuhan dan pendaftaran TASKA diselesaikan dengan lebih pantas;

**(iv) Program bersama Pengusaha TASKA**

JKM mengadakan perjumpaan dengan pengusaha TASKA tidak berdaftar untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pengusaha dari masa ke semasa;

**(v) Kempen Jom Daftar**

JKM mengadakan kempen Jom Daftar mulai bulan Jun hingga Disember 2011 untuk memberi kesedaran kepada pengusaha tentang kepentingan pendaftaran TASKA. Hasilnya, hingga

bulan Februari 2012, pendaftaran TASKA telah meningkat kepada 900 buah berbanding 485 buah pada tahun 2010.

**(vi) Insentif Permulaan TASKA**

Kerajaan memberi insentif kepada pengusaha TASKA baharu yang mendaftar operasi mereka dengan JKM. Dalam hal ini, kerajaan memberi insentif berjumlah RM3,000.00 secara *one-off* kepada pengusaha TASKA di rumah.

Selain itu, TASKA baharu yang berdaftar dengan JKM yang mempunyai bilangan kanak-kanak seramai 20 orang ke bawah layak menerima insentif berjumlah RM10,000.00. Manakala bagi TASKA baharu yang mempunyai lebih 20 orang kanak-kanak serta memasang kemudahan CCTV, pengusaha TASKA berkenaan layak menerima insentif berjumlah RM20,000.00. Kesemua insentif ini adalah hanya untuk tahun 2013.

**(vii) Insentif Fi Kursus Asuhan PERMATA**

Kerajaan memberi subsidi fi kursus asuhan sebanyak RM500.00 seorang kepada pengusaha, pengurus, penyelia dan pengasuh TASKA berdaftar yang mengikuti Kursus

Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak PERMATA (Kursus Asuhan PERMATA).

Tuan Yang Dipertua,

(b) Bagi memastikan tidak berlakunya penderaan kanak-kanak di TASKA yang berdaftar, JKM mengambil tindakan-tindakan berikut:

**(i) Pemeriksaan Berkala**

Memastikan semua TASKA dibuat pemeriksaan berkala 3 bulan sekali bagi memastikan TASKA mematuhi kurikulum asuhan dan didikan yang ditetapkan selain aspek keselamatan, kebersihan dan kesihatan kanak-kanak;

**(ii) Aduan dan Talian Nur 15999**

KPWKM mengalu-alukan aduan atau maklum balas daripada orang ramai berhubung kes penderaan kanak-kanak di TASKA. Dalam hal ini, talian Nur 15999 telah diwujudkan bagi membolehkan orang ramai membuat aduan dan pihak JKM mengambil tindakan susulan dengan segera.